

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

ACIS

Syaaban 1445/ Februari 2024



Terima Kasih Ustazah Norlela Kamaluddin

Isu Fitnah dan Khabar Angin di sebalik Peristiwa Perang Bani Al-Mustaliq

PUISI TRADISIONAL: Kelangsungan Keindahan Bahasa dan Adab Melayu

Ibadah dalam Masyarakat: Polemik yang tidak berkesudahan

PUISI: Persuratan Rentak Lisan

Pensyarah ACIS Berjaya Merangkul Naib Johan Dalam Musabaqah
Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Sembilan 2024

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Ibadah dalam Masyarakat: Polemik yang tidak Berkesudahan

Oleh:

Hisam Satari

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Suatu hari seorang anak murid bertemu dengan tuan gurunya.

Anak murid: Assalamualaikum tuan guru, apa khabar?

Tuan guru: Waalaikumussalam warahmatullah, alhamdulillah ana sihat.

Anak murid: Tuan guru, saya nak bertanya...malam nisfu Syaaban boleh ke baca Yasin sampai 3 kali? Nabi SAW ada buat ke? Saya dengar hadis berkenaan amalan malam nisfu Syaaban ni hadisnya daif. Kenapa masyarakat buat amalan berdasarkan hadis daif?

Tuan guru: Wahai anakku..ketahuilah bahawa ibadah itu ialah sesuatu yang Allah SWT suka pada apa yang kita suka melakukannya. Ada ibadah yang nabi SAW lakukan dan ini dilakukan oleh sahabat dan dinamakannya sunnah nabi. Tetapi pada suatu ketika ada sahabat yang melakukan ibadah tanpa merujuk kepada nabi SAW dan ia melakukannya kerana pada hemah mereka perbuatan itu baik dan ia suka untuk melakukannya. Tatkala perbuatan mereka ini dilaporkan pada nabi SAW atau nabi SAW sendiri dikhabarkan oleh Allah SWT dengan kemuliaan berbentuk ganjaran yang diperoleh oleh mereka, Nabi SAW tidak menghalang. Inilah yang dinamakan *sunnah taqririyyah*.

Kembali kepada soalanmu wahai anakku, apakah tatkala kamu membaca surah Yasin pada malam nisfu Syaaban itu kamu dipaksa? atau kamu lakukannya kerana hati yang suka? Apakah membaca sebahagian ayat al-Quran itu bukan satu kebaikan? ...jika jawapan kamu ialah: aku suka dan aku dapati membaca Yasin ini adalah satu kebaikan. Maka jika itu jawabanmu...di manakah buruknya amalan membaca Yasin di malam nisfu Syaaban?

hambaNya dengan rahmat yang khusus pada malam nisfu Syaaban, maka Allah mengampuni semua makhluk-Nya kecuali orang yang syirik dan juga orang yang bermusuhan kerana dunia" HR Ibnu Hibban dan Al-Baihaqi.

Saidina Bilal bin Rabah RA melakukan satu amalan yang tidak dilakukan oleh sahabatnya yang lain disebabkan nabi SAW tidak pernah melakukannya di hadapan para sahabat, iaitu solat sunat selepas berwuduk. Tatkala peristiwa Mi'raj nabi SAW bersama malaikat Jibril RA, ketika dibawa oleh malaikat Jibril RA ke dalam syurga, nabi SAW terlihat satu sepatu telah berada di dalam syurga tersebut, tatkala ditanya sepatu siapakah itu wahai Jibril RA?...itulah sepatu Bilal bin Rabah. Apakah jawapan saidina Bilal tatkala diasak oleh para sahabat yang mengetahui kisah sepatunya itu? "aku merasakan bahawa solat sunat selepas berwuduk itu adalah satu kebaikan maka aku melakukannya." Tanpa ada saranan atau perintah dari nabi SAW, saidina Bilal membuat keputusannya sendiri...hasilnya sepatunya menanti kehadiran tuannya di dalam syurga.

Seorang sahabat nabi SAW sering membaca surah al-Ikhlâs selepas al-Fatihah di dalam solatnya. Perkara ini dilaporkan kepada nabi SAW kerana pada sangkaan mereka ini adalah satu perkara yang kurang molek disebabkan ada lagi surah lain yang boleh dibaca. Tatkala dipanggil sahabat tersebut oleh nabi SAW dan ditanya mengapa asyik membaca surah al-Ikhlâs, ini jawapannya: "ya rasulullah ia kerana aku mencintai/menyukai surah ini. Lantas nabi SAW menjelaskan: "kamu akan dimasukkan ke syurga dengan apa yang kamu cintai ini (amalan membaca surah al-Ikhlâs itu).

Wahai anakku sesungguhnya ia adalah amalan yang baik, datangkanlah keseronokan ketika melakukannya, ketahuilah ia tidak bercanggah dengan syariat Islam...**LAKUKANLAH** biarpun ada yang mengatakan hadisnya adalah hadis daif, kerana beralam dengan hadis haaif dibenarkan dalam perkara seperti itu.